

Anwar, Khalid perlu jelaskan isu pembelian saham Guthrie

KUALA SELANGOR 26 April - Timbalan Pengerusi Pemuda Barisan Nasional (BN), Khairy Jamaluddin (gambar) hairan dengan sikap membisu calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) dalam pilihan raya kecil Ijok, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang masih belum memberi penjelasan kepada rakyat mengenai pembabitannya dalam pembelian saham Guthrie.

Beliau berkata, Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga mengambil tindakan yang sama iaitu berdiam diri walaupun beliau terlibat dalam menyokong Abdul Khalid membeli 20 peratus kepentingan dalam syarikat perladangan itu.

"Sehingga hari ini Khalid masih tidak menjawab isu ini sedangkan rakyat tertunggu-tunggu jawapan beliau," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Khairy berkata, sehingga sekarang Abdul

Khalid tidak membayar hutang pinjaman sebanyak RM175 juta kepada Bank Islam yang beliau gunakan untuk membeli 6.5 peratus saham Guthrie.

"Kini hutang beliau pada bank itu menjadi hutang lapuk," katanya.

Menurut beliau, Bank Islam terpaksa menanggung kerugian atas perbuatan Abdul Khalid yang mementingkan diri sendiri.

"Pemimpin seperti inilah yang kita hendak pilih untuk mewakili penduduk di sini? Dapatkah dia menjaga kepentingan penduduk di sini melebihi kepentingannya sendiri?" soal Khairy.

Abdul Khalid pernah memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif di Permoda-



lan Nasional Berhad (PNB) dari tahun 1979 hingga 1994 sebelum menjawat jawatan yang sama di Kumpulan Guthrie Berhad dari 1995 hingga 2003.

Bekas tokoh korporat itu menyertai PKR pada tahun lepas dan kini memegang jawatan sebagai Bendahari Agung PKR.

Khairy menambah, Anwar juga sepatutnya memberi penjelasan mengenai isu tersebut kerana beliau telah menggunakan kedudukannya sebagai Menteri Kewangan pada ketika itu un-

tuk menyokong permohonan pinjaman Abdul Khalid.

"Sekarang saya cabar Anwar untuk beri penjelasan mengenai pembelian saham ini," tegasnya.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika merasmikan satu program di Pekan Ijok mendedahkan punca Abdul Khalid begitu memusuhi BN iaitu kerana kecewa setelah gagal memperoleh 20 peratus saham Guthrie.

Kata Najib, sejak tahun 1994, Khalid berhasrat untuk memiliki 20 peratus saham Guthrie secara peribadi dan pada peringkat pertama beliau (Abdul Khalid) meminta memiliki 6.5 peratus saham Guthrie.

Untuk membeli saham itu, Abdul Khalid terpaksa mencari pinjaman bank sebanyak RM175 juta.

Najib berkata, Anwar yang merupakan Menteri Kewangan ketika itu menulis surat kepada pengurusan tertinggi PNB meminta mereka memberi kebenaran kepada Abdul Khalid untuk mendapatkan saham-saham berkenaan.

Um - 27/4/2007